

7.11.2024
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

EMPAT (4) PROJEK AIR TAMBAHAN KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK PULAU PINANG

- 1. Projek Rumah Pam Lahar Yooi 440 JLH bagi membolehkan pengisian semula Empangan Mengkuang Diperbesarkan yang lebih pantas**
- 2. Saluran paip Dwi Fungsi 440 JLH (EMD ke Terusan Sungai Dua)**
- 3. Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Kerian**
- 4. TAPS Sungai Muda**

PULAU PINANG, Khamis, 7.11.2024: Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP dalam 4 projek bekalan air utama untuk Pulau Pinang.

Bulan lalu, Exco Kerajaan Negeri YB Zairil Khir Johari mengetuai delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP menghadiri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Bekalan Air (BBA) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Ir. Haji Sulaiman bin Kamisan, di Putrajaya.

Projek berikut telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut:

1. Rumah Pam Lahar Yooi 440 juta liter sehari (JLH)

Rumah pam ini mewakili Fasa 2C Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP). Ia akan dibina untuk mengepam tambahan 440 JLH air mentah dari Sungai Muda untuk mengisi semula Empangan Mengkuang (EMD) 86.4 bilion liter dengan lebih cekapsemasa musim hujan.

Rumah Pam Lahar Yooi menyokong rancangan PBAPP untuk menukar EMD daripada “rizab kemarau strategik” kepada “empangan harian” (dengan siapnya Loji Rawatan Air Empangan Mengkuang 114 JLH baharu pada tahun 2025).

Secara tidak langsung, ia juga akan memastikan pengeluaran maksimum EMD sehingga 1,040 JLH adalah mungkin dan mampan ketika senario kecemasan apabila “Insiden Sungai Muda” mengancam perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Menurut BBA, projek persekutuan untuk membina Rumah Pam Lahar Yooi telah diluluskan. Ia akan dibiayai oleh baki dana daripada peruntukan MDEP RM1.2 bilion.

2. Saluran paip Dwi Fungsi 440 JLH (EMD ke Terusan Sungai Dua)

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP sedang mendapatkan bantuan Persekutuan untuk memasang saluran paip dwifungsi 440 JLH yang baharu dari EMD ke Terusan Sungai Dua. Saluran paip ini diperlukan untuk menyokong operasi Rumah Pam Lahar Yooi yang dicadangkan.

Di satu pihak, ia akan menyalurkan tambahan 440 JLH air mentah ke empangan semasa musim hujan. Selainnya, ia akan menghantar tambahan 440 JLH air daripada EMD ke Terusan Sungai Dua, untuk digunakan di Loji Rawatan Air Sungai Dua ketika senario kecemasan.

Sebenarnya, pengeluaran maksimum EMD akan ditingkatkan daripada 600 JLH kepada 1,040 JLH apabila saluran paip ini dimulakan. Dengan mendapatkan sehingga 1,040 JLH air daripada EMD, PBAPP boleh meminimumkan secara efektif ancaman atau impak “Insiden Sungai Muda” pada masa hadapan yang menjejaskan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

WSD telah meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mengemukakan “Notis Perubahan” (NOC) untuk meluaskan skop Fasa 2C (MDEP) untuk memasukkan saluran paip dwiguna ini. Berkemungkinan, baki dana persekutuan yang diperuntukkan untuk MDEP akan digunakan untuk pemasangan saluran paip ini.

3. TAPS Sungai Kerian (Takungan Air Pinggiran Sungai)

4. TAPS Sungai Muda

Dua (2) projek TAPS ini pada dasarnya adalah projek “mini-empangan” yang dicadangkan untuk pembangunan di atau berhampiran tebing sungai Sungai Muda di Seberang Perai Utara (SPU) dan Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan (SPS).

Lebih air mentah dari sungai boleh disimpan dalam TAPS. “Air simpanan” mungkin diambil untuk menyokong perkhidmatan bekalan air selama 24 - 48 jam semasa kemarau, kejadian atau senario kecemasan lain. Selepas itu, TAPS boleh diisi semula dengan lebih air mentah dari sungai.

Ringkasnya, 2 projek TAPS ini boleh dianggap sebagai “projek insurans tambahan” untuk menyokong bekalan air yang baik berterusan di SPU dan SPS.

BBA telah meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP memohon pembiayaan persekutuan bagi projek TAPS di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (2026 – 2030).

Tambahan kepada WCP 2030 dan Projek Air Perak-Pulau Pinang

Empat (4) projek Persekutuan ini adalah projek bekalan air tambahan yang harus dilaksanakan seiring dengan RM1.184 bilion Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) Pulau Pinang dan “Projek Air Perak-Pulau Pinang” RM4.5 bilion .

PBAPP akan terus melaksanakan baki 6 daripada 8 projek WCP 2030 seperti yang dijadualkan sambil menyokong pelaksanaan “Projek Air Perak-Pulau Pinang” oleh Kerajaan Persekutuan menjelang 2030.

Apabila dilaksanakan, 4 projek tambahan Persekutuan ini akan membantu memastikan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang pada asas 24/7/365 dan mengurangkan status tekanan air Pulau Pinang ketika era perubahan iklim ini.

Sehubungan itu, PBAPP ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada BBA, PETRA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my